

06 DEC 1997

Mahathir-LIMA

MAHATHIR: LIMA '97 TAMPILKAN KELUARAN TERBARU

LANGKAWI, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97 telah memperkenalkan keluaran-keluaran maritim dan udara terbaru kepada rantau ini.

Perdana Menteri berkata kebanyakan keluaran yang dipamerkan pada LIMA '97 tidak pernah disaksikan oleh masyarakat rantau ini sebelum ini.

"Kini ada antara mereka yang mengambil keputusan untuk membeli keluaran-keluaran yang sebelum ini tidak mereka ketahui," kata beliau pada majlis makan malam yang dianjurkan untuk menghargai pihak yang menjayakan LIMA '97.

LIMA '97 yang berlangsung selama enam hari sehingga esok, adalah yang keempat sejak ia dimulakan pada 1991. Ia dikendalikan oleh Le Proton LIMA Sdn Bhd manakala pameran maritim dianjurkan oleh Huswah Exhibition Sdn Bhd.

Lebih 900 syarikat daripada kira-kira 40 negara mengambil bahagian pada pameran kali ini, yang disifatkan sebagai pameran maritim dan udara terbesar di dunia.

Dr Mahathir, yang berada di sini sepanjang LIMA '97 berlangsung berkata pameran kali ini menghasilkan beberapa memorandum persefahaman di kalangan syarikat-syarikat di dalam bidang itu.

Dr Mahathir juga berkata bahawa beliau berharap syarikat-syarikat yang mempamerkan keluaran mereka berjaya menjual keluaran masing-masing.

Dr Mahathir juga menyifatkan LIMA '97 sebagai berjaya.

"Sebelum ini, LIMA tidak begitu mendapat perhatian ramai, tetapi kali ini kita dapati minat semakin meningkat," kata beliau.

Perdana Menteri menyifatkan kejayaan itu berpunca daripada "langit terang, cuaca yang baik, dan angin yang baik untuk belayar".

Beliau berharap mereka yang mengambil bahagian di dalam LIMA '97 akan datang lagi ke pulau itu untuk bercuti. -- BERNAMA.

ES MZ RI